

B A B  
K E D U A

## BAB II

### LANDASAN TEORI

#### 2.1 Pendahuluan

Hadīth menjadi sumber yang kedua pentingnya dalam Islam sesudah al-Qur'ān. Hadīth bukan sahaja merangkumi perkataan - perkataan Rasūlullāh s.a.w tetapi juga segala perbuatan baginda sendiri dan taqrīrnya terhadap perkataan atau perbuatan orang lain samada diakui didiamkan atau dinafikan oleh Rasūlullāh s.a.w.<sup>1</sup> Ia merangkumi perkara yang sekecil-kecilnya hingga ke sebesar-besarnya masalah yang berhubung dengan kehidupan manusia.

##### 2.1.1 Pengertian Hadīth

Perkataan hadīth berasal dari hadatha (حدث) yang bererti baharu atau perkhabaran samada perkhabaran itu sedikit atau banyak. Jika perkataan hadīth diimbuhkan dengan alif lam (الحديث), ia merupakan satu istilah yang berkaitan dengan Rasūlullāh s.a.w dari percakapan, perbuatan dan pengakuannya.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Mustafa al-Sibā'i, Al-Sunnah wa Makānatuhā fi al-Tashrī' al-Islāmi, Cet. II, Beirut: Al-Maktabah al-Islami. 1978, m.s. 48.

<sup>2</sup> Subhi al-Sālih, 'Ulum al-hadīth wa Mustalāhu, Cet. XII, Beirut: Dar'al-'lmi lil-Malayyin. 1981, m.s. 3

Ahli-ahli hadīth hampir sepandapat dalam memberikan ta'rīf hadīth. Perbezaan mereka hanya dari segi mujmal dan mufassal.<sup>3</sup> Ibn Hajar menta'rīfkan hadīth, 'Apa yang disandarkan kepada Rasūlullāh s.a.w'. Ta'rīf yang diberikan oleh Ibn Hajar ini adalah mujmal yang merangkumi sesuatu yang datang daripada Rasūlullāh s.a.w. Di antara ta'rīf mufassal yang menjelaskan ta'rīf yang diutarakan oleh Ibn Hajar di atas ialah sepetimana menurut Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb,

"Apa-apa yang disandarkan oleh Rasūlullāh s.a.w daripada perkataan, perbuatan, diam, setuju, sifat samada sifat kejadian atau sifat akhlāq, sirah samada sebelum atau sesudah menjadi Rasūl."<sup>4</sup>

Di samping hadīth, ada beberapa istilah yang berkaitan dengannya seperti Athar, Khabar dan Sunnah. Athar bererti bekas peninggalan sesuatu.<sup>5</sup> Maksudnya ialah hadīth yang berkaitan dengan sahabat atau tābi'īn,<sup>6</sup> dan kadang-kadang digunakan juga pengertian hadīth dari Rasūlullāh s.a.w. Manakala Sunnah ialah perjalanan, pengakuan, amalan metod atau cara hidup.<sup>7</sup> Ia dimaksudkan dengan jalan agama yang di-

---

<sup>3</sup> Mohd. Napiah Abdullah, Peranan dan Metodologi Hadith, Kuala Lumpur: Bhg. Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. 1986. m.s. 3

<sup>4</sup> Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb, Usūl al-Hadīth, Cet. IV, Mesir: Dār al-Fikr. 1981, m.s 9

<sup>5</sup> Mahmūd Tahhān, Taisir Mustalah al-Hadīth, Cet. II, Beirut, Dār al-Qur'ān al-Karīm: 1979. m.s. 15:

<sup>6</sup> Op.cit., Subhī al-Salih, m.s. 10-11

<sup>7</sup> Muhammad Salām Madkūr, Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmi wa Masādiruhu, Mesir. 1985, m.s. 219

bawa oleh Rasūlullāh s.a.w. Kemudian menurut istilah ahli-ahli hadīth, sunnah ialah apa yang datang dari Rasūlullāh s.a.w<sup>8</sup> dari perkataan, perbuatan, pengakuan sifat fizikal atau akhlaq atau sirah baginda sama ada sebelum dibangkitkan menjadi Rāsul atau sesudahnya. Takrif ini adalah menyamai erti hadīth.<sup>9</sup>

Terdapat juga perbezaan di antara hadīth dan sunnah. Hadīth ialah kenyataan dari apa yang dilakukan dan diakukan. Sedang sunnah pula ialah apa yang terkandung di dalamnya. Lantaran demikian dapatlah dikatakan bahawa hadīth-hadīth ialah pengertian dari sunnah.<sup>10</sup>

#### 2.1.2 Pembahagian Hadīth

Dari takrif-takrif yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa hadīth terbahagi kepada:

- a. Qawliyyah, perkataan Rasulullāh s.a.w.

Contohnya,

صُومُوا لِرُؤْبَتِهِ وَافْطِرُوا لِرُؤْبَتِهِ

---

<sup>8</sup> Subhī al-Sālih, op.cit, m.s. 6

<sup>9</sup> Muhammad Ajjaj al-Khatib, op.cit., m.s. 16.

<sup>10</sup> Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsuddin, Kedudukan Hadith Dalam Islam, Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia. 1987, m.s. 14.

Maksudnya:

"Berpuasalah kamu apabila kelihatan anak bulan dan berbukalah (berharirayalah) apabila kelihatan anak bulan".<sup>11</sup>

- b. Fi'liyyah, perbuatan seperti sembahyang yang ditunjukkan oleh Rasūlullāh s.a.w,

## صلوة على من ايتقني أصلح

Maksudnya:

"Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang".<sup>12</sup>

- c. Taqrīriyyah, pengakuan iaitu apabila Rasūlullāh s.a.w melihat sesuatu yang berlaku atau mendengar satu pemandangan para sahabat baginda tidak mengingkarinya. Contohnya pengakuan baginda terhadap para sahabat yang memakan himār al-wahshi atau keldai liar.<sup>13</sup> Contoh lain ketika berlakunya peperangan Bani Qurayzah, baginda bersabda,

## لا يصلح أحدكم العصر إلا في بني قريظة

Maksudnya:

"Hendaklah tidak seorangpun dari kamu menunai-kan sembahyang Asar kecuali di Bani Qurayzah".<sup>14</sup>

Yang ditaqrirkan di sini bukan sembahyangnya tetapi ijtihād para sahabat dalam menafsirkan hadith tersebut.

<sup>11</sup>, Abd al-Rahmān al-Sābūnī, et.al., Al-Madkhāl al-Fiqh wa Tārikh al-Tashrī' al-Islāmī, Misr: Maktabah Wahbah. 1982, m.s. 78.

<sup>12</sup> Muhammad b. Ismā'il, Sahīh al-Bukhārī, Jil. I, t.t. m.s. 125.

<sup>13</sup> Muhammad Abū Zuhrah, 'Usūl al-Fiqh, Misr: 1958, m.s. 82.

<sup>14</sup> Sha'bān Muhammad Ismā'il, Al-Hadīth al-Qudsīyyah wa Manzilatuhu fi al-Tashrī', Riyad. 1982. m.s. 82.

### 2.1.3 Hadīth Sebagai Sumber Hukum

Hadīth ialah sumber shari'at yang kedua selepas al-Qur'an. Ini diakui oleh semua mazhab. Terdapat banyak dalil yang menunjukkan kepentingan hadīth dan kewajipan beramal dengannya. Antaranya,

وَمَا أَنَا كُلُّهُ وَمَا نَهَا كُمْرُنَهُ فَانْتَهُوا.

Maksudnya:

"Dan apa yang didatangkan kepada kamu oleh Rasūl maka hendaklah kamu ambil, dan apa yang ditegah kepada kamu oleh RasūluLLāh hendaklah kamu jauhi".<sup>15</sup>

Kedudukan hadīth sebagai sumber shari'at Islam juga dijelaskan oleh RasūluLLāh s.a.w dalam hadīthnya ketika Mu'ādh Ibnu Jabal r.d. diutus ke Yaman.

بِمَا تَقْضِيَ اللَّهُ عَزَّ ذِيْلَهُ عَنْ عَرْضِكَ قَضَاءً، قَالَ: أَقْضِي بِمَا فِي الْكِتَابِ  
اللَّهُ عَزَّ ذِيْلَهُ قَالَ: فَإِنْ لَمْ تَجِدْ قَالَ: أَقْضِي بِمَا فِي السُّنْنَةِ مِنْ حِكْمَةِ رَسُولِ  
اللَّهِ عَزَّ ذِيْلَهُ قَالَ فَإِنْ لَمْ تَجِدْ قَالَ اجْتَهِدْ لَا أُلُوْ.

Maksudnya:

"Dengan apa hendak kamu hukum jika dikemukakan sebuah masalah kepadamu. Mu'ādh menjawab: Saya menghukum menurut apa yang tersebut di dalam kitabullāh. Soal baginda: Jika tidak didapati dalam kitabullāh? Jawab Mu'ādh: Saya menghukum dengan apa yang terdapat dalam Sunnah RasūluLLāh. Soal baginda lagi: Jika tidak terdapat juga? Jawab Mu'ādh: Saya berijtihad dan saya tidak abai kan".<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Surah al-Hashr, ayat 7

<sup>16</sup> Badrān Abū al-'Ainain, Usūl al-Fiqh al-Islāmi, Iskandariyyah: Shabab al-Jāmi'ah, t.t., m.s. 81

Berdasarkan kepada nas-nas yang dikemukakan, para sahabat bersepakat mengatakan wajib menurut sunnah RasūluLLāh s.a.w walaupun baginda telah wafat.<sup>17</sup>

#### 2.1.4 Fungsi Hadīth

Berhubung dengan fungsi hadīth sebagai sumber kedua selepas al-Qur'ān, para ulama' berpendapat ianya mempunyai empat fungsi:

- a. Sebagai penguat atau penyokong kepada hukum-hukum yang terdapat dalam al-Qur'ān. Ini berlaku apabila hadīth itu secocok dengan ayat-ayat al-Qur'ān dari semua aspeknya samada pada prinsip (*ijmā'*) atau perincian (*tafsil*).<sup>18</sup> Contohnya sebuah hadīth mengenai sembahyang, puasa dan ibadah haji.

بِقَوْمٍ اِذَا دَعَاهُمُ الْاِسْلَامُ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ : مَشَاهِدَةُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ ، وَاقْتَادُ الصَّلَاةَ ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَجَعَلَ الْبَيْتَ وَصُومُ رَمَضَانَ .

Maksudnya:

"Islam diasaskan di atas lima perkara, iaitu persaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allāh dan bahawa Nabi Muhammad adalah pesuruh Allāh, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, haji dan puasa Ramadan".<sup>19</sup>

<sup>17</sup> Muhammad Salām Madkūr, op.cit., m.s. 209

<sup>18</sup> Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s. 14

<sup>19</sup> Abū Zakariya al-Nawawī, Sharh Sahīh Muslim, Jil.I, Mesir 1929, m.s. 176-177

Berdasarkan kepada nas-nas yang dikemukakan, para sahabat bersepakat mengatakan wajib menurut sunnah RasūluLLāh s.a.w walaupun baginda telah wafat.<sup>17</sup>

#### 2.1.4 Fungsi Hadīth

Berhubung dengan fungsi hadīth sebagai sumber kedua selepas al-Qur'ān, para ulama' berpendapat ianya mempunyai empat fungsi:

- a. Sebagai penguat atau penyokong kepada hukum-hukum yang terdapat dalam al-Qur'ān. Ini berlaku apabila hadīth itu secocok dengan ayat-ayat al-Qur'ān dari semua aspeknya samada pada prinsip (*ijmā'*) atau perincian (*tafsil*).<sup>18</sup> Contohnya sebuah hadīth mengenai sembahyang, puasa dan ibadah haji.

بِيَ الْإِنْسَانِ عَلَىٰ خَمْسٍ : مُشَاهَدَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ، وَاقْتَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ  
وَجُنُونُ الْبَيْتِ وَصُومُ رَمَضَانَ .

Maksudnya:

"Islam diasaskan di atas lima perkara, iaitu persaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allāh dan bahawa Nabi Muhammad adalah pesuruh Allāh, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, haji dan puasa Ramadan".<sup>19</sup>

<sup>17</sup> Muhammad Salām Madkūr, op.cit., m.s. 209

<sup>18</sup> Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s. 14

<sup>19</sup> Abū Zakariya al-Nawawi, Sharh Sahīh Muslim, Jil.I, Mesir 1929, m.s. 176-177

Hadith ini memberi pengertian yang sama mengenai sembahyang, puasa dan haji seperti yang diterangkan di dalam al-Qur'an Firman Allah,

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَنْوَا، الزَّكُورَةَ

Maksudnya:

"Dirikanlah sembahyang dan berikan zakat".<sup>20</sup>

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ

Maksudnya:

"mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah".<sup>21</sup>

b. Sebagai penghurai atau penafsir kepada ayat-ayat al-Qur'an dengan berbagai cara kerana RasūluLlāh s.a.w lebih mengetahui maksud dan tujuan ayat-ayat al-Qur'an diturunkan<sup>22</sup> Jelasnya al-Qur'an adalah umum dan hadīth adalah keterangan baginya. RasūluLlāh s.a.w telah menerangkan perkara-perkara mengenai kadar keluar zakat, jualbeli dan qisās yang hanya diterangkan secara umum dalam al-Qur'an. Firman Allah,

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ قَاتِلُوْا اَيْدِيهِمَا

Maksudnya:

"Pencuri sama ada lelaki atau perempuan hendaklah dipotong tangannya..."<sup>23</sup>

<sup>20</sup> Surah al-Baqarah, ayat 83

<sup>21</sup> Surah Ali 'Imran, ayat 97

<sup>23</sup> Surah al-Mā'idah, ayat 38

Di dalam ayat ini tidak diterangkan kadar mencuri yang diwajibkan potong tangan. Dalam perkara ini, Rasūlullāh menerangkan dengan sabdanya,

## لَا تُقْطِعُ الْبَدَالَ فِي رِبْعِ دِينَارٍ فَصَاعِدَا

Maksudnya:

"Tidak dipotong tangan seorang pencuri itu melainkan apabila ia telah mencuri lebih dari satu perempat dinar".<sup>24</sup>

c. Sebagai keterangan tashri'i, iaitu menentukan sesuatu hukum yang tidak ada di dalam al-Qur'ān. Contohnya pengharaman mengahwini perempuan berserta emak saudaranya.

## لَا جُمُعُ الْمَرْأَةِ وَعَنْتُهَا

Maksudnya:

"Jangan dikahwini perempuan berserta emak saudaranya".<sup>25</sup>

d. Sebagai keterangan bagi nasakh. Dalam masalah ini ulama berpendapat harus al-Qur'ān memansuhkan hadīth. Contohnya dinasakhkan menghadap Baitul Muqaddis dengan menghadap Ka'bah. Perkara ini berpunca dari peristiwa Rasūlullāh s.a.w dan para sahabat menghadap Baitul Muqaddis dalam sembahyang mereka.<sup>26</sup> Dan tidak ada satu nas di dalam al-Qur'ān yang menerangkan keadaan ini. Kemudian amalan ini

<sup>24</sup> Muhammad Ibn Yazid, Sunan Ibn Majah, Jil. II, Misr: 'Īsa al-Bābī al-Halābī. 1953, m.s. 862.

<sup>25</sup> Muhammad b. Isma'il, op.cit., Jil VII, m.s. 15.

<sup>26</sup> Badran Abu Ainān, op.cit., m.s. 442.

dinasakhkan dengan firman Allah,

فَوْلَ وَجْهَكَ سَتْرَ الْمَسْجِدِ الْعَرَامَ وَحَيْثُ مَا كُنْتُ  
قُولُوا وَجْهَكَ سَتْرَةَ

Maksudnya,

"...maka sesungguhnya Kami akan memalingkan mukamu ke qiblat yang Kami suka. Palingkanlah mukamu ke MasjidilHaram".<sup>27</sup>

Sebaliknya ulama' berpendirian tidak mungkin al-Qur'an dinasakhkan oleh hadīth sama ada hadīth itu mutawātir, mashhūr atau ahād.<sup>28</sup> Imam al-Shafī'i membuktikan pendapat kebanyakan ulama' itu dengan firman Allah,

مَا نَسْخَحُ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُشْبِهَا نَأْتِ بِحَيْزٍ مِنْهَا  
أَوْ مِثْلِهَا.

Maksudnya:

"Apa sahaja ayat yang Kami nasakhkan atau Kami jadikan (manusia) lupa kepadanya, Kami datangkan yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya".<sup>29</sup>

Dalam masalah ini ulama'-ulama' Hanāfi berpendapat bahawa al-Qur'an boleh dinasakhkan oleh hadīth yang mutawātir dan mashhūr tetapi tidak dengan hadīth ahād.<sup>30</sup> Mereka memberi contoh sebuah hadīth mutawātir,

<sup>27</sup> Surah al-Baqarah, ayat 144

<sup>28</sup> Mashhūr ialah hadīth yang diriwayatkan oleh dua periyat pada tiap-tiap peringkat dan tidak mencapai darjat mutawātir. Lihat Mahmud Tahhan, op.cit, m.s 22; Manakala Ahād ialah segala khabar yang diriwayat oleh dua orang atau lebih tetapi tidak mencukupi padanya syarat-syarat mashhūr. Lihat Shahīr Rashād Mihrān, Khabar al-Wāhid fi al-Sunnah, Mesir: Dār al-Shuruq. t.t., m.s. 16

<sup>29</sup> Surah al-Baqarah, ayat 106

<sup>30</sup> Mustafā al-Sibā'i, op.cit., m.s. 396

## لَا وَصِيَّةٌ لِوَارِثٍ

Maksudnya:

"Tiada wasiat untuk yang menerima pusaka".<sup>31</sup>

Hadīth ini memansuhkan ayat

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ  
خَيْرًا وَصِيَّةً لِلْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَغْرُوفِ

Maksudnya:

"Diwajibkan atas kamu, apabila seseorang di antara kamu kedatangan maut jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiatlah untuk ibubapa dan kerabatnya secara ma'rūf".<sup>32</sup>

<sup>31</sup> Wahab al-Zajīlī, Al-Wasīt fi Usūl al-Fiqh al-Islāmī, Damshik:  
Al-Matba'ah al-'Ilmiyyah. Cet. II; 1979, m.s. 254

<sup>32</sup> Surah al-Baqarah, ayat 180

## 2.2 Sejarah Penulisan dan Pembukuan Hadith

Di dalam memperkatakan soal sejarah penulisan dan pembukuan hadith, dua perkara penting perlu dititikberatkan iaitu:

- a. Mengetahui jangkawaktu perkembangannya peringkat d e m i peringkat.
- b. Mengetahui tokoh-tokoh yang terlibat dalam penyebarannya dan bertanggungjawab memperkenalkan asas-asas tentang hadith menurut jangkamasa masing-masing.

Jangkamasa perkembangan hadith menurut suasana dan keadaan yang dilalui dari masa kelahirannya hingga kini boleh dibahagikan kepada enam peringkat:

Masa Pertama: Zaman RasūluLLāh s.a.w (13SH-11H)

Masa Kedua : Zaman Sahabat (12H-akhir abad I)

Masa Ketiga : Abad II - Pembukuan Hadīth

Masa Keempat: Abad III - Pentashihan hadīth

Masa Kelima : Abad IV sehingga Kejatuhan Baghdad 656H

Masa Keenam : Zaman selepasnya

### 2.2.1 Pengajian Hadīth di Zaman RasūluLLāh s.a.w

Penyampaian hadīth di zaman RasūluLLāh s.a.w melalui beberapa cara iaitu:

a. Majlis Ilmiah RasūlLlāh s.a.w

RasūlLlāh s.a.w sering mengadakan majlis ilmiah yang dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat dari jauh dan dekat. Mereka sangat mengambil berat tentang majlis ini untuk mempelajari hukum-hukum Islam, soal-soal ibadat dan melihat kelakuan RasūlLlāh s.a.w. Sekiranya mereka tidak dapat menghadirinya kerana terpaksa mencari nafkah seperti berniaga, bercucuk tanam atau terlibat dalam perang. Mereka berusaha mendapatkan hadīth dengan bertanya kepada sahabat yang hadir. RasūlLlāh s.a.w sering menggalakkan sahabatnya menyampaikan ilmu yang didapati dari baginda kepada orang lain yang tidak hadir,

بَلْغُوا مَا حَفِظْتُ وَلَا آتَيْتُ

Maksudnya:

"Sampaikanlah (apa yang kamu dapat) dariku walau satu ayat sekalipun".<sup>33</sup>

Dengan anjuran ini, para sahabat merasa bertanggung jawab sehingga sanggup bergilir-ganti sesama mereka sebagaimana yang dilakukan oleh Umar al-Khattāb bersama jiraninya. Apa yang diutarakan di atas menunjukkan betapa gigihnya para sahabat dalam memperolehi hadīth dari RasūlLlāh s.a.w.

<sup>33</sup> Datuk Haji Muhammad Noor b. Haji Ibrahim et. al., Mustika Hadith RasūlLlāh s.a.w, Muqaddimah dan Jilid I, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (JPM), Cet. VII. 1988, m.s. 102.

b. Peristiwa yang berlaku terhadap RasūluLlāh s.a.w.

Para sahabat juga memperolehi hadīth melalui peristiwa peristiwa bersama RasuluLlāh s.a.w. Apabila RasuluLlāh s.a.w berhadapan dengan masalah-masalah tertentu, baginda akan menerangkan hukum-hukumnya. Penerangan dari RasuluLlāh s.a.w ini merupakan sebahagian dari ḥadīth. Abu Hurairah meriwayatkan satu peristiwa di mana RasuluLlāh s.a.w bertanya kepada penjual makanan: "Apa yang dijual?" Lelaki itu menceritakan apa yang dijualnya kepada baginda. Baginda lalu memeriksa barang jualan tersebut dan mendapati ada penipuan di dalamnya. Lantas baginda bersabda,

لَيْسَ مِنْ عِنْدِنَا

Maksudnya:

"Bukan daripada kami orang-orang yang menipu".<sup>34</sup>

c. Peristiwa yang berlaku terhadap sahabat r.d<sup>35</sup>

Dalam menghadapi berbagai masalah yang memerlukan penyelesaian, para sahabat sering bertanya kepada RasūluLlāh. Masalah-masalah ini menyentuh berbagai aspek kehidupan mereka sama ada berkaitan dengan 'aqīdah, mu'amalah, nikah kahwin atau sebagainya.

<sup>34</sup> Sulaymān b. al-Ash'ash, Sunan Abū Dawūd, ta'liq Ahmad Sa'ad 'Ali, Jil. II, Mesir: Mustafā al-Babīy al-Halabīy, 1952, m.s 244

<sup>35</sup> Huda Muhsin, Pengenalan Kitab-kitab Hadīth al-Sunnah al-Sittah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981, m.s. 14.

d. Perlakuan Rasulullah s.a.w sendiri yang berkaitan dengan masalah dunyawiyah dan ukhrawiyah sama ada menyentuh soal aqidah, hal-hal kekuargaan dan masyarakat atau sebagainya.<sup>36</sup>

Berdasarkan huraian di atas jelas menunjukkan kesungguhan para sahabat dalam mempelajari hadīth, menghafaz dan menghayatinya supaya hadīth yang lahir dari Rasūlullāh s.a.w dapat diketahui dan diamalkan oleh generasi sesudah mereka.

## 2.2.2 Penulisan Hadīth di Zaman Rasūlullāh s.a.w

Soal penulisan hadīth telah dikaji oleh para orientalis - dan sarjana Islam. Kebanyakan orientalis seperti William Muir, Sprenger, A. Guillaume, Schacht dan James Robson berpendapat bahawa hadīth hanya diriwayatkan melalui lisan sehingga seratus tahun selepas kewafatan Rasūlullāh s.a.w.<sup>37</sup> Pendapat - pendapat yang diutarakan oleh orientalis ini disanggah oleh sarjana Islam terutamanya pengkaji pengkaji hadīth yang mutakhir seperti Muḥammad Zubayr Siddiqi,<sup>38</sup> dan Muṣṭafā al-Sibā'i,<sup>39</sup>

<sup>36</sup> Ibid., m.s. 14.

<sup>37</sup> Subḥī al-Salīḥ, op.cit., m.s. 33-37.

<sup>38</sup> Pandangannya dalam buku Hadith Literature, Calcutta. 1961.

<sup>39</sup> Pandangannya dalam buku al-Sunnah wa Makānatuhā fi al-Tashrī' al-Islāmī, Misr. 1961.

Muhammad Mustāfā Hamīdullāh,<sup>40</sup> Subhī al-Sālih,<sup>41</sup> Muhammad 'Ajjāj al-Khātib,<sup>42</sup> dan Muhammad Mustāfā 'Azmi.<sup>43</sup> Di dalam kajian mereka didapati bahawa sebahagian daripada hadīth telah ditulis secara individu pada masa Rasūlullāh s.a.w.<sup>44</sup>

Soalnya mengapa hadīth tidak ditulis dengan rasminya pada masa Rasūlullāh s.a.w sedangkan terdapat lebih daripada 30 orang penulis rasmi Rasūlullāh s.a.w yang antaranya seperti Zaid b. Thābit dan 'Abd al-Llāh b. 'Amrū b. al-'Ās.<sup>45</sup> Ulama Islam ada mengemukakan beberapa kemungkinan mengapa hadīth tidak ditulis secara rasmi di masa Rasūlullāh.

Al-Sibā'i merumuskan beberapa sebab mengapa hadīth tidak ditulis secara rasmi iaitu:<sup>46</sup>

<sup>40</sup> Pandangannya dalam buku The First Written Constitution In The World: An Important Document of The Time of The Prophet, Lahore 1968.

<sup>41</sup> Pandangannya dalam buku 'Ulūm al-Hadīth, Beirut 1971.

<sup>42</sup> Pandangannya dalam buku 'Usūl al-Hadīth, Misr 1981 dan al-Sunnah Qabl al-Tadwin, Misr 1963.

<sup>43</sup> Pandangannya dalam buku Studies In Hadith Methodology and Literature, Indiana 1977.

<sup>44</sup> Penulisan secara individu ialah penulisan yang tidak dirasmikan oleh kerajaan. Istilah ini telah digunakan oleh penulis-penulis Islam seperti Muhammad 'Ajjāj al-Khātib, op.cit., m.s. 186.

<sup>45</sup> Ibid., m.s. 143.

<sup>46</sup> Mustāfā al-Sibā'i, op.cit., m.s. 58-61.

a. Kekurangan bilangan sahabat yang boleh menulis menyukarkan mereka untuk menulis hadīth sepenuhnya. Pada zaman awal Islam, bilangan orang Quraish yang boleh menulis dan membaca hanya tujuh belas orang sahaja. Antaranya ialah Sufyan bin Umayyah Ibn 'Abdi Shāms dan Abū Qays bin 'Abdi Manāf bin Zuhrah bin Kilāb yang mempelajarinya dari Bashār ibn Abd al-Malik.<sup>47</sup> Mereka ini adalah di kalangan penentang kebangkitan Islam ketika itu. Kepakaran mereka ini dimanfaatkan oleh Rasulullāh s.a.w ketika mereka menjadi tawanan perang Badar. Rasulullāh s.a.w mensyaratkan mereka mengajar menulis dan membaca kepada orang-orang Islam sebagai tebusan. Lama kelamaan bilangan sahabat yang boleh menulis semakin bertambah tetapi mereka pada ketika itu dikerahkan untuk menulis al-Qur'ān yang merupakan sumber asasi Islam yang setiap hurufnya perlu dipelihara.

b. Orang Arab yang kebanyakannya buta huruf (*ummī*) lebih suka mengingati sesuatu dengan kekuatan ingatan. Manakala Arab Badwī umumnya belum memahami ajaran Islam sepenuhnya dan mereka tidak pula sering menghadiri majlis Rasūlullāh.<sup>48</sup>

---

<sup>47</sup> Ahmad Shalabī, al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah, Jil.V, Cet. VI, Misr: Maktābah al-Nahdah al-Misriyyah. 1978, m.s. 44.

<sup>48</sup> Petikan dari kata-kata Khātib al-Baghdādī (m 463H-1070M) dalam bukunya Taqayyid al-'Ilm. Lihat H. Zainal Abdin Ahmad, Imam Bukhari Pemuncak Ilmu Hadits, Jakarta: Bulan Bintang. 1975, m.s. 45.

c. Usaha penyusunan hadith dibimbangi akan bercampuraduk dengan al-Qur'ān. Ini memberi peluang kepada musuh-musuh Islam menyangkal kesucian al-Qur'ān dengan menuduh al-Qur'ān sebagai ciptaan RasūluLLāh s.a.w. Perkara ini turut dibimbangi oleh RasūluLLāh dengan sabdanya,

### لَا تَكُونُوا عَنِ الْكِتَابِ مُنَاهِي

Maksudnya:

"Janganlah kamu menulis daripadaku selain al-Qur'ān dan barangsiapa ada menulisnya hendaklah dihapuskan".<sup>51</sup>

Sabdanya lagi,

وَمَنْ كَذَّبَ عَلَىٰ مِنْهُ مِنْهُ فَلِيَسْبُوْا مَقْعُدَةً مِنَ النَّارِ

Maksudnya:

"...dan barangsiapa yang membuat pendustaan terhadapku secara sengaja maka ia akan menyediakan tempat kediamannya di dalam api neraka".<sup>52</sup>

Sementara Muhammad 'Ajjāj al-Khatib berpendapat, ketiadaan penulisan hadīth secara rasmi di masa RasūluLLāh s.a.w bukan disebabkan kekurangan penulis memandangkan jumlah penulis di masa itu melebihi 30 orang dan kejayaan mereka menulis al-Qur'ān tanpa

<sup>51</sup> Abū Zakariya al-Nawawi, op.cit., Jil. VII, 1960, m.s. 229.

<sup>52</sup> Muhammad b. Ismā'īl, op.cit., Jil.I, m.s. 31.

sebarang kesukaran. Oleh itu ada sebab lain yang menghalang penulisan hadīth secara rasmi iaitu terdapatnya hadīth-hadīth yang menegah penulisan hadīth.<sup>53</sup> Antaranya seperti berikut:

- a. Abū Sa'īd al-Khudrīy meriwayatkan bahawa RasuluLLah bersabda

لَا تَكْتُبُ عَنِّي وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي فَلِيُحْكِمَهُ!

Maksudnya:

"Janganlah kamu menulis daripadaku selain al-Qur'ān dan barangsiapa ada menulisnya hendaklah dihapuskan".<sup>54</sup>

- b. Abū Sa'īd al-Khudrīy meriwayatkan dengan katanya,

أَنْتُ أَذْنُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْكِتَابَةِ فَلَمْ يَأْذِنْ لَنِّي.

Maksudnya:

"Kami telah meminta keizinan menulis hadīth daripada RasuluLLah tetapi baginda tidak membenarkannya".<sup>55</sup>

Namun begitu terdapat hadīth-hadīth yang mengharuskan penulisan hadīth. Antaranya,

- a. Dari Abū Hurayrah katanya,

مَا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدٌ اكْتَرَ حِدِيثًا عَنْهُ مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ أَمْاَكَانَ مِنْ عَنْ دَالِلَةِ بْنِ عَمْرُو فَإِنَّهُ كَانَ يَكْتُبُ وَلَا يَكْتُبُ.

<sup>53</sup> Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb, Al-Sunnah Qabl al-Tadwīn, Mesir : Maktabah Waṭbah, 1963, m.s. 301-302.

<sup>54</sup> Abū Zakariya al-Nawawī, op.cit., m.s. 229.

<sup>55</sup> Abū Isā Muhammad b. Isā b. Sarwāh, Sunan al-Tirmidhi, Jil. V, ed. Ahmad Muhammād Shākir, Mesir: Mustafā al-Babīy al-Halabīy, 1973 m.s. 38.

Maksudnya:

"Tidak terdapat seorang pun dari kalangan sahabat Rasulullah memiliki banyak hadith selainku kecuali 'Abdullah b. 'Amrū' kerana dia menulis sedangkan aku tidak".<sup>56</sup>

b. Dari Abu Hurayrah, Rasulullah bersabda kepada seorang Ansar yang mengadu kurang daya ingatannya.

### امتنع على حفظك بيدينك

Maksudnya:

"Tulislah supaya engkau mudah menghafaznya".<sup>57</sup>

Dari hadīth-hadīth tersebut, terdapat pertentangan dimana ada di antaranya yang melarang dan ada pula yang menganjurkan. Kenyataan hadīth-hadīth tersebut yang pada lahirnya bertentangan tidaklah mengelirukan para sahabat kerana mereka mengetahui situasi yang berlaku. Kekeliruan hanya timbul di kalangan sarjana-sarjana mutakhir yang keilmuan mereka terbatas dan terpengaruh dengan musuh-musuh Islam.<sup>58</sup> Sebagai bukti adanya galakkan penulisan d a r i p a d a Rasulullah s.a.w, Imām al-Bukhārī telah mengkhususkan satu bab dalam sahīhnya iaitu bab penulisan hadīth sebaliknya tidak memberikan bab yang khusus mengenai larangan mencatit hadīth.<sup>59</sup>

---

<sup>56</sup> Al-Bukhārī, op.cit., Jil. I, m.s. 39.

<sup>57</sup> Al-Tirmidhi, op.cit., Jil. V, m.s. 41.

<sup>58</sup> Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s. 58.

<sup>59</sup> Al-'Asqalānī, Fath al-Bārī, Jil. I, Misr 1963, m.s. 214-220.

Para ulama' telah cuba menyelesaikan persoalan ini dengan membuat penta'wilan terhadap hadīth-hadīth tersebut supaya tidak berlaku pertentangan yang mengelirukan.<sup>60</sup> Satu analisa telah dibuat oleh Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb tentang pendapat-pendapat ahli hadīth tentang persoalan di atas. Ia membahagikan kepada empat kesimpulan:

- a. Setengah ahli hadīth mengatakan hadīth yang diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudrī itu adalah mawqūf.<sup>61</sup> Oleh itu ia tidak boleh menjadi hujjah. Tetapi pandangan ini tidak diterima kerana hadīth ini telah thābit di dalam Sahīh Muslim.<sup>62</sup> Tambahan pula ia disokong oleh hadīth lain yang diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudrī juga.<sup>63</sup>

- b. Tegahan menulis hadīth ini adalah di permulaan Islam kerana kebimbangan RasūluLLāh s.a.w sekiranya ayat-ayat al-Qur'ān yang penulisannya belum lengkap ketika itu bercampur aduk dengan hadīth. Namun begitu, setelah Islam berkembang luas dan ayat al-Qur'ān dapat dibezakan dengan hadīth, tidak ada lagi kebimbangan tersebut lalu RasūluLLāh s.a.w membenarkan

---

<sup>60</sup> Hashim Yahya, Sejarah Penulisan Hadīth, Kelantan: Pustaka Aman Press, 1975, m.s 24.

<sup>61</sup> Mawqūf ialah sesuatu yang diriwayatkan daripada sahabat sama ada dari segi perkataan, perbuatan dan lainnya. Lihat Ibni 'Umar dan Ibni 'Uthmān b. 'Abd al-Rahmān al-Shahrazūrī, 'Ulūm al-Hadīth li al-Salāh, Cet. II, Madīnah: Al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1972, m.s. 41-42

<sup>62</sup> Muslim, op.cit., Jil. VII, m.s. 229.

<sup>63</sup> Al-Tirmidhī, op.cit., Jil. V, m.s. 38.

para sahabat menulis hadīth-hadīth daripadanya. Pandangan ini adalah pandangan kebanyakan ulama' terkemuka seperti al-Rahmahramzi, Ibnu Qutaibah, Ahmad Muhammad Shākir dan lain-lain lagi.

c. Tegahan hanya kepada yang kuat daya ingatannya manakala bagi yang lemah daya ingatannya, RasūluLLāh memberi keringanan mencatat untuk memudahkannya menghafaz. Contohnya Abū Shāh dari Yaman yang dibenarkan mencatat hadīth disebabkan lemah daya ingatannya.

d. Tegahan ditujukan secara umum kepada mereka yang baru menganut Islam atau baru belajar menulis kerana dibimbangi melakukan kesilapan. Bagi yang mahir menulis dan mahir tentang Islam, tidak ditegah menulis hadīth. Contohnya 'Abdullāh b. 'Amrū al-'Ās salah seorang penulis RasūluLLāh.<sup>64</sup>

Di samping itu terdapat pandangan lain seperti:

e. Tegahan menulis hadīth sekiranya ia dihimpunkan di sahīfah yang sama dengan al-Qur'ān kerana dikuatirinya berlaku kekeliruan bagi membezakan antara keduanya yang berbahasa 'Arab,<sup>65</sup> iaitu kekeliruan di antara teks al-Qur'ān dengan syarahnya

<sup>64</sup> Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb, Cb.cit., m.s. 150-153.

<sup>65</sup> M.M.Azami, Studies in Early Hadith Literature, Indiana, 1973, m.s. 23-24.

(hadīth) di mana para sahabat mendengar ta'wil atau tafsir al-Qur'ān daripada pengajaran Rasūlullāh s.a.w sendiri. Sebaliknya merulis hadīth dan al-Qur'ān pada sahifah yang berasingan tidak ditegah.<sup>66</sup>

Kesimpulannya, Rasūlullāh tidak memerintahkan supaya hadīth ditulis secara rasmi pada masa hayatnya kerana baginda ingin semua tenaga yang ada pada masa itu ditumpukan kepada pemeliharaan Qur'ān agar keasliannya terjamin. Di samping itu penulisan hadīth secara individu tidaklah dilarang selagi penulisnya dapat membeza dan mengasingkan antara hadīth dan Qur'ān. Ini terbukti dengan terdapatnya beberapa orang sahabat yang menulis hadīth secara individu seperti Sa'ad b. 'Ubādah,<sup>67</sup> Samurah b. Jundab,<sup>68</sup> Jābir b. 'Abdullāh<sup>69</sup> dan 'Abdullāh b. 'Amru<sup>70</sup> yang masing-masing mempunyai sahifah tersendiri. Dengan adanya sahifah-sahifah milik persendirian ini membuktikan bahawa hadīth telah pun ditulis pada masa hayat Rasūlullāh sekaligus menolak dakwaan para orientalis mendakwa hadīth hanya ditulis pada abad ke 2 Hijrah.

<sup>66</sup> Al-'Asqalānī, op.cit., Jil. I, m.s. 218.

<sup>67</sup> Al-Tirmidhi menerangkan bahawan Sa'ad b. 'Ubādah mempunyai sahifah yang mengandungi hadīth. Lihat al-Tirmidhi, op.cit., Jil. III, m.s. 267.

<sup>68</sup> Beliau telah menulis dan mengumpul hadīth di dalam satu naskhah yang diwarisi oleh anaknya Sulayman. Lihat Subhi al-Salih, op.cit. m.s. 25.

<sup>69</sup> Juga mempunyai hadīth yang dihimpunkan dalam satu sahifah. Lihat Muhammad Idris al-Shafī'i, al-Sunan al-Ma'thur, Bayrut: Dar al-Ma'ārif. 1986, m.s. 15.

<sup>70</sup> Mengumpul sebanyak 1,000 hadīth di dalam Sahifah al-Sadiqah. Lihat Farid Muhammad Wāsil, op.cit., m.s. 14.

## 2.3 Zaman Sahabat

Sahabat berasal daripada perkataan 'Arab sahabī ( صحابي ) yang bererti kawan atau teman. Yang dimaksudkan dengan sahabat di sini ialah yang bersahabat dengan Rasūlullāh s.a.w atau yang melihat baginda.<sup>71</sup> Oleh itu sahabat ialah orang Islam yang bertemu dan bersahabat dengan Rasūlullāh s.a.w dan mati dalam keadaan Islam, samada pertemuan itu sebentar atau lama. Namun begitu tidak dikira sahabat sekiranya yang bertemu itu kafir atau murtad.<sup>72</sup>

Bagaimanapun bilangan yang pasti mengenai sahabat ini tidaklah diketahui. Menurut Ibn al-Athīr, bilangan orang Islam yang bersama Rasūlullāh s.a.w ketika haji perpisahan ( حجۃ الوداع ) adalah seramai 90,000 hingga 140,000 orang. Dan sahabat yang paling akhir meninggal dunia ialah Abū Tufail 'Amir b. Wātilah al-Laithī yang meninggal pada tahun 100H bersamaan 718M.<sup>73</sup>

<sup>71</sup> Ibn 'Amrū 'Uthmān b. 'Abd al-Rahmān al-Shahrazūrī, al-Salāh, Muqaddimah Ibn al-Salāh fi 'Ulūm al-Hadīth, Mesir, Matba'ah al-Qayyimah. 1938, m.s. 146.

<sup>72</sup> Al-'Asqalānī, al-Isābah fi Tamyīz al-Sahābah, Jil. I, Mesir: Matba'ah al-Sa'adah. 1910, m.s. 7-8.

<sup>73</sup> Ibn al-Salāh, op.cit., m.s. 150.

### 2.3.1 Kaedah Mengenal Sahabat

Seorang yang mempelajari hadīth hendaklah mengetahui samada periwayat tertinggi sesebuah hadīth itu sahabat atau tābi'īn bagi menentukan sanadnya seterusnya bagi menentukan samada hadīth itu sahīh atau da'if.<sup>74</sup>

Ahli-ahli hadīth telah menggariskan beberapa kaedah untuk mengetahui sahabat atau tābi'īn:<sup>75</sup>

- a. Melalui perkhabaran mutawātir seperti Abu Bakr adalah khalifah Rasūlullāh yang pertama.
- b. Sudah dikenali umum kerana kemasyhurannya seperti Dimam ibn Tha'labah dan' Ikashat ibn Muhsan.
- c. Seseorang yang memperkenalkan dirinya sebagai sahabat dengan syarat terbukti adilnya dan hidup sezaman dengan Rasūlullāh.
- d. Tābi'īn yang memberitahu sifulan itu adalah sahabat. Ini adalah berdasarkan pendapat yang rājih iaitu harus berdalil dengan perkhabaran tentang kebaikan seseorang melalui orang lain atau;
- e. Melalui sahabat yang lain yang memperkenalkannya seperti Manhamat ibn Abī Hamhamat al-Dawṣī.

---

<sup>74</sup> Muhammad b. Ismail, Metode Penyampaian dan Penerimaan Hadith Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia. 1987, m.s. 91.

<sup>75</sup> Abu 'Abdullāh Muhammad b. 'Umar b. Husayn Fakhru al-Din al-Rāzī, al-Tafsīr al-Kabīr, Misr: Matba at al-Bāhiyyat, t.t. Jil. XI m.s. 108.

### 2.3.2 Perkembangan Hadīth

Berhubung dengan zaman sahabat ini, aktiviti-aktiviti mengerai hadīth dapat dilihat dari kegiatan sahabat dalam mempelajari, mengajar, meriwayat, mencatat dan mengumpulkan hadīth-hadīth Nabi s.a.w.

Menurut Ibn Khaldun, hanya sebahagian daripada sahabat yang mahir dalam ilmu agama iaitu mereka yang memahami al-Qur'an meliputi ayat nāsikh dan mansūkh, ayat mutashābihāt dan muhkamāt dan mereka yang mempelajari ilmu daripada Rasūlullāh s.a.w atau mendengarnya daripada yang hadir ke majlis ilmu Rasūlullāh s.a.w. Mereka ini di-gelar qurrā' ( قرّاء ) yang membawa maksud pembaca.<sup>76</sup> Ini sejajar dengan suasana yang berlaku ketika itu di mana sebahagian besar daripada masyarakat Arab adalah buta huruf.

Sebahagian daripada sahabat atau qurrā' yang tahu menulis mencatat hadīth-hadīth dan ada pula yang mengumpulkannya di dalam satu sahīfah.<sup>77</sup> Bilangan sahīfah melebihi 12 buah. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli-ahli hadīth dan sarjana-sarjana Barat.<sup>78</sup>

<sup>76</sup> Setelah ajaran Islam berkembang, umat Islam mula menemui perubahan dan dapat menguasai berbagai ilmu seperti fiqh dan sebagai gelaran qurrā' ini ditukar kepada ulama atau fuqaha'. Lihat Ahmad Shalabi, op.cit., m.s. 51.

<sup>77</sup> Sahīfah ialah segala koleksi hadīth Nabi yang ditulis oleh sahabat atau tabi'in. Lihat Muhammad Idrīs al-Shafī'i, loc.cit., m.s 15.

<sup>78</sup> Muhammad Hamidullah, Sahifah Hammam Ibn Munabbih, Cet. X, Muhammad Rahimuddin, England: Apex Books Concern. 1979, m.s. 85.

Sebahagian daripada sahifah ini dapat dihimpunkan kembali menjadi satu koleksi hadith yang terbesar contohnya Sahifah Hammām<sup>79</sup> Ibn Munabbih yang terkumpul di zaman tābi'īn bersandarkan kepada riwayat Abu Hurayrat. Kebanyakan dari sahifah ini didapati dalam Musnad Ahmad Ibn Hanbal di bawah tajuk Musnad Ibn Hurayrah.<sup>80</sup> Jelas di sini, para sahabat telah memainkan peranan yang penting dalam meriwayat dan mencatat hadith. Mereka juga berusaha menyebarkannya ke seluruh penjuru negara.

Di antara sahabat yang terlibat dengan kerja-kerja pencatatan ini ialah 'Abdullāh Ibn 'Amrū al-'Āṣ yang menulis hadīth-hadīth yang diriwayatkan oleh beliau sendiri ke dalam sahifah yang dinamakan 'al-Sadiqah'. Menurut Muhammad Mustafā al-Azami, seramai 50 orang sahabat yang mempunyai catatan hadīth dalam bentuk buku.<sup>81</sup> Di antara nama-nama yang disenaraikan ialah Abu Hurayrah, 'Abdullāh Ibn 'Abbās, Anas Ibn Mālik, Zaid Ibn Thābit dan Mughīrah Ibn Shu'bāh.

Menurut Muhammad Hamidullah, sejarah memang mencatatkan adanya beberapa naskhah tulisan hadīth milik individu daripada sahabat dan tābi'īn.<sup>82</sup> Antaranya termasuklah para sahabat yang disebutkan di atas ditambah dengan nama lain seperti Jābir Ibn 'Abdullāh al-Ansāri

<sup>79</sup> Ibid., m.s. 79-80.

<sup>80</sup> Ahmad Muhammad al-Shakir, Musnad Ahmad, Jil. XII, Misr. 1949, m.s. 86-274.

<sup>81</sup> M.M. Azami, op.cit., m.s. 34-60.

<sup>82</sup> Muhammad Hamidullāh, op.cit., m.s 15.

yang menulis Sahifah Jabir dan Hammam Ibn Munabbih<sup>83</sup> yang menulis hadīth ke dalam satu naskhah bernama Sahifah al-Sahīhah.

Naskhah al-Sadiqan daripada 'Amrū Ibn al-'Ās pula mengandungi<sup>84</sup> sejumlah 1,000 hadīth. Setelah kewafatannya naskhah ini dipelihara oleh keluarganya. Cucunya bernama 'Amrū Ibn Shu'aib ada meriwayatkan sebanyak 500 hadīth dari naskhah ini. Walaupun naskhah ini tiada lagi dalam bentuknya yang asli, namun kutipan-kutipan hadīth dari naskhah masih terdapat dalam kitab-kitab yang enam (كتاب السنّة) tanpa sebarang perubahan. Sementara itu naskhah Hammam Ibn Munabbih yang bernama Sahifah Hammam Ibn Munabbih mengandungi 137 buah hadīth. Hadīth-hadīth ini kemudianya dikutip sepenuhnya oleh Imām Ahmad Ibnu Hanbal ke dalam musnadnya begitu juga Imām al-Bukhārī dan Imām Muslim yang mengutip hadīth-hadīth ini ke dalam kitab sahīhnya.<sup>85</sup>

<sup>83</sup> Beliau adalah salah seorang murid Abū Hurayrah yang telah dapat mengabadikan koleksi hadīth. Abu Hurayrah mengumpulkan kira-kira 140 buah hadīth untuk Hammam Ibn Munabbih yang kebanyakannya mengenai budi pekerti. Koleksi hadīth ini dinamakan Sahifah al-Sahīhah, tetapi oleh Hammam yang sering menggunakan dan memeliharanya, ia dinamakan Sahifah Hammam Ibn Munabbih. Lihat Muhammad Khātib, op.cit., m.s. 197-206.

<sup>84</sup> Nasr Farīd Muhammad Wāsil, op.cit., m.s. 14.

<sup>85</sup> Muhammad al-Sibāghī, al-Hadīth al-Nabawī, Nisr: Maktab al-Islāmī. t.t., m.s. 120.

Kitab yang dicatit pada pertengahan abad pertama Hijrah ini penting dilihat dari segi sejarah. Ia dapat menolak dakwaan yang mengatakan penulisan hadīth hanya berlaku 200 atau 300 tahun selepas kewafatan Rasūlullāh s.a.w.<sup>86</sup> Atas dasar ini ada di kalangan sarjana yang menganggap imam-imam muhaddithin seperti al-Bukhārī, Muslim dan Ahmad Ibn Ḥanbal telah mencatit hadīth yang bukan sebenarnya dari Rasūlullāh s.a.w disebabkan terdapat jurang perbezaan daripada segi masa. Perbahasan ini didasarkan kepada dakwaan yang mengatakan penulisan tidak wujud di zaman Rasūlullāh dan sahābat.

Apabila dibandingkan penulisan hadīth-hadīth dalam Sahīfah Hammam Ibn Munabbih dengan penulisannya di zaman selepasnya seperti yang dicatit oleh Ahmad Ibn Ḥanbal dan al-Bukhārī tidak ada satu perkataan pun yang diubah termasuklah dari segi maknanya.<sup>88</sup> Makna umum yang terkandung dalam tiap-tiap hadīth Abū Hurayrah ini juga disandarkan kepada lain-lain sahābat.<sup>89</sup> Nyatalah di sini sandaran akhir kepada Rasūlullāh s.a.w merupakan alasan yang jitu yang tidak dapat ditolak lagi.

Dari apa yang telah disebutkan, jelas membuktikan betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh para sahābat dalam memelihara hadīth Rasūlullāh s.a.w sehingga tidak timbul di zaman ini pemalsuan hadīth

<sup>86</sup> Subḥī al-Ṣalīḥ, op.cit., m.s 23-30

<sup>87</sup> Ibid.

<sup>88</sup> Ibid.

<sup>89</sup> Muhammād 'Ajjāj al-Khātib, op.cit., m.s. 377.

disebabkan ketelitian para sahabat dalam menjamin kesucian dan ketulianan hadith-hadith tersebut.

### 2.3.3 Periwayat Hadith yang mashyur

Berhubung dengan penulisan hadith dan koleksinya di zaman sahabat ini, ada beberapa sahabat yang mendapat gelaran mukathitirun iaitu yang banyak menghafaz dan mengingati hadith-hadith Rasūlullāh s.a.w.<sup>90</sup> Mereka ialah

- a. Abū Hurayrah, nama sebenarnya ialah 'Abdul Rahmān ibn Sakhr (m 57H = 672M), bilangan hadith yang diriwayatkannya sejumlah 5,374 hadith.<sup>91</sup>
- b. 'Abdullāh ibn Umar (m 73H = 692M) meriwayatkan sejumlah 2,630 hadith.
- c. Anas ibn Mālik (m93H = 712M), meriwayatkan 2,286 hadith.
- d. 'A'ishah bt. Abū Bakr (m68H = 615M), meriwayatkan sejumlah 2,210 hadith.
- e. 'Abdullāh ibn 'Abbās (m68H = 589M), meriwayatkan 1,660 hadith
- f. Jābir ibn 'Abdullāh al-Ansārī (m 78H = 606M) meriwayatkan 1,540 hadith.
- g. Abū Sa'īd al-Khudrī (m74H = 610M) nama sebenarnya Sa'ad ibn Mālik ibn Sinān, meriwayatkan 1,170 hadith.<sup>92</sup>

<sup>90</sup> Ibn al-Salāh, op.cit., m.s. 147.

<sup>91</sup> Muhammad 'Ajjāj al-Khatib, op.cit., 'Ulūm al-Hadīth, m.s. 404

<sup>92</sup> Subhī al-Sālih, op.cit., m.s 359.

Abū Hurayrah menduduki tempat pertama sebagai periwakat hadīth yang paling banyak disusuli dengan 'Abdullāh ibn 'Umar, Anas ibn Mālik, 'Aishah bt. Abū Bakr dan seterusnya. Sahabat-sahabat ini memperolehi hadīth yang banyak adalah kerana samada mereka terdahulu memeluk Islam seperti khalifah al-rāshidīn dan 'Abdullāh ibn Mas'ūd; atau kerana mereka terus menerus berada di samping Rasūlullāh s.a.w dan panjang pula usianya seperti Anas ibn Mālik; atau kerana lama bersama Rasūlullāh s.a.w dan mengetahui keadaannya seperti 'Aishah dan Ummu Salāmah; atau kerana mereka berusaha mencatitnya seperti 'Abdullāh ibn 'Amrū ibn al-'Ās,<sup>93</sup> ataupun kerana sentiasa mendampingi Rasūl, bersungguh menghafaz malah kuat pula daya ingatannya seperti Abū Hurayrah malah beliau juga tidak terlibat dengan urusan pentadbiran secara aktif.<sup>94</sup> Faktor ini membantu beliau meriwayatkan banyak hadīth kepada sahabat dan tabi'in. Menurut Imam al-Bukhārī terdapat seramai 800 orang tabi'in yang meriwayatkan hadīth daripada Abū Hurayrah.<sup>95</sup> Ini membuktikan kejayaan beliau sebagai seorang perawi hadīth yang terkenal di kalangan sahabat.

---

93 , Salah Faham Terhadap Hadith: Satu Penjelasan,  
Kelantan: Majlis Ugama Islam Kelantan. 1986, m.s. 11.

94 Mohd. Napiyah, op.cit., m.s. 67.

95 Al-Asqalānī, op.cit., Jil. I, m.s. 217.

## 2.4 Zaman Pembukuan Hadīth (Abad II)

Zaman pembukuan hadīth bermula dari zaman tābi'īn iaitu generasi sesudah sahabat. Tābi'īn bererti seseorang yang bersahabat dengan seorang sahabī dalam ertikata bertemu dan manghafaz hadīth - hadīth dari seorang sahabī.<sup>96</sup> Ibn Hibban mensyaratkan mumayyiz ketika bertemu dengan sahabī.<sup>97</sup>

Zaman tābi'īn adalah dari tahun 100H hingga 170 atau 180H, tahun berikutnya sehingga 220H adalah zaman pengikut tābi'īn ( atba' al-tābi'īn ).<sup>98</sup> Dari segi sejarah, peringkat tābi'īn ini merupakan peringkat kedua dalam usaha berkaitan dengan hadīth di mana penulisan hadīth lebih meluas dari masa sebelumnya. Penggunaan alat tulis menulis juga telah meluas ke seluruh negara Islam ketika itu.<sup>99</sup> Penuntut-penuntut hadīth menjalankan penyelidikan mereka di beberapa pusat pengajian.<sup>100</sup> Mereka mencatit hadīth bersekali dengan periwayatnya sebagai sandaran kebenaran. Ini sebagaimana yang dilakukan oleh seorang tokoh hadīth dan ulama yang terkenal di zaman tābi'īn iaitu Muhammad ibn Muslim ibn Shihāb al-Zuhri.<sup>101</sup>

<sup>96</sup> Ibn al-Salāh, op.cit., m.s. 151.

<sup>97</sup> Engku Ibrahim Ismail, log.cit., m.s. 73.

<sup>98</sup> Al-Asqalānī, *Fath al-Bārī*, op.cit., Jil.VII, m.s. 6.

<sup>99</sup> Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s 73.

<sup>100</sup> Subhī al-Salīh, op.cit., m.s. 50-56.

<sup>101</sup> Ibid., m.s. 45-46.

## 2.4.1 Usaha-usaha pembukuan hadīth peringkat awal

Pada zaman pemerintahan Abdul Azīz ibn Marwān (65-85H=684-704M) beliau telah berusaha mengumpulkan hadīth-hadīth Rasūlullāh s.a.w untuk dibukukan dengan meminta Quthay ibn Murrah al-Hadhramī mencatatnya.<sup>102</sup> Hasil usaha ini tidak dapat dipastikan hingga lah ianya disambung oleh anaknya 'Umar ibn'Abdul Azīz. (m 101H=719M) yang dikatakan oleh sejarah orang yang mula-mula memberi perintah membukukan hadīth secara rasmi.<sup>103</sup> Ia adalah seorang khalifah yang banyak menghafaz hadīth sehingga dikatakan kealimannya hampir sama dengan Ibn Shihāb al-Zuhri. Dalam masa pemerintahannya kebudayaan Islam berkembang pesat ke negeri-negeri seperti Bukhārā, Samarkand, Khurāsān dan Khawarism.<sup>104</sup>

Khalifah 'Umar ibn 'Abdul 'Azīz telah mengutus surat kepada ulama-ulama di setiap daerah Islam dan menyuruh mereka menghimpunkan hadīth-hadīth atas kerjasama gabenor wilayah masing-masing.<sup>105</sup> Baginda memerintahkan Abū Bakr ibn Muhammad ibn 'Amr ibn Hazm di Madinah agar mencatat hadīth-hadīth dari 'Umrah bt. 'Abdul Rahmān al-Ansāriyyah, anak saudara dan murid 'Aishah.<sup>106</sup> Khalifah juga memerintahkan Ibn

---

102 \_\_\_\_\_, Kedudukan al-Sunnah Dalam Islam, op.cit., m.s 46

103 Mustafā al-Siba'i, op.cit., m.s. 104.

104 Engku Ibrahim Engku Ismail, op.cit., m.s. 73.

105 Subhī al-Sālih, op.cit., m.s. 45.

106 Sa'īd Yāsīn, Al-Idhāh fi Tarikh al-Hadīth wa 'Ilmu al-Istilāh, Beirut: Dar al-'Arabiyyah. t.t., m.s. 29-30.

Muslim ibn Shihāb al-Zuhri (m 124H=741M)<sup>107</sup> supaya mencatit hadīth-hadīth dan mengumpulkannya ke dalam kitab-kitab untuk diedarkan keseluruh wilayah Islam. Al-Zuhri berjaya mengumpulkan hadīth-hadīth Rasūlullāh s.a.w ke dalam beberapa buah kitab yang kemudian di hantar ke beberapa buah wilayah.<sup>108</sup>

Di antara sarjana-sarjana yang melakukan kerja-kerja pengumpulan hadīth sezaman dengan al-Zuhri ialah Abū Qalabah (m 107H = 725M) dan Makhul (m 116H=734M) yang pernah mengembala ke Mesir dan Syria untuk mencari maklumat-maklumat mengenai hadīth. Makhul telah menulis sebuah kitab mengenai hadīth.<sup>109</sup>

Usaha dalam bidang pengumpulan dan pembukuan hadīth diteruskan oleh ahli-ahli hadīth selepasnya. Di antara mereka ialah Abū al-Walid Abdul Mālik ibn 'Abdul 'Azīz ibn Juraij al-Basrī (m 150H = 767M) di Mekah, Muhammad ibn Ishaq (m 151H=768M) dan Mālik ibn Anas (m 179H=795M) di Madinah, al-Rabi' ibn Sabīh (m 167H=783M), Sa'īd ibn Abī 'Arubah (m 156H=772M) dan Hammād ibn Salāmah ibn Dīnār (m 167H=783M) di Basrah, Sufyān ibn Sa'īd ibn Masruq al-Thawrī (m 161H=777M) di Kufah, Ma'mār ibn Rashīd al-Azdī (m 153H=770M) di Yaman, Abū 'Amrū

<sup>107</sup> Beliau orang yang pertama membukukan hadīth pada tahun 100H atas perintah 'Umar 'Abdul 'Azīz. Menurut Imam Muslim beliau meriwayatkan 90 buah hadīth. Di samping khalifah turut memerintahkan Qasim Ibn Ahmad untuk mengumpul hadīth. Lihat Sa'dī Yāsīn, op.cit., m.s. 23.

<sup>108</sup> Mustafā Sibā'i, op.cit., m.s. 104.

<sup>109</sup> Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s. 74.

'Abdul Rehman ibn 'Amru al-Awza'i (m 157H=773M) di Shām, 'Abdullah ibn Mubarak ibn Wādih al-Marūzī (m 181H=797M) di Khurāsān, Hashim ibn Bashir al-Salmī (m 183H=799M) di Wasit,<sup>110</sup> Jarīr ibn 'Abdul Hamid al-Dabi' (m 188H=803M) di Ray dan lain-lain.<sup>111</sup>

Mereka telah membukukan hadīth dengan cara meletakkan hadīth-hadīth berkenaan dalam bab-bab tertentu yang dihimpunkan menjadi sebuah kitab. Namun begitu hadīth-hadīth ini masih bercampur dengan perkataan sahabat dan fatwa tabi'in.<sup>112</sup> Contohnya kitab al-Muwattā' karya Imam Mālik yang menggunakan sistem menurut bab-bab tertentu dalam penyusunan hadīth.<sup>113</sup> Ia adalah sebuah karya hadīth yang tertua sampai kepada kita selain dari Sahifah Hammām ibn Munabbih.<sup>114</sup>

Koleksi hadīth-hadīth yang pernah dibukukan ini pada dasarnya bertujuan untuk menyediakan buku-buku panduan atau 'handbook' kepada ahli hukum Islam.<sup>115</sup>

---

<sup>110</sup> Muhammad 'Ajjāj al-Khatib, al-Sunnah Qabl al-Tadwin, op.cit. m.s. 337.

<sup>111</sup> Sa'dī Yāsīn, op.cit., m.s. 23-27.

<sup>112</sup> Nasr Farid Muhammad Wāsil, op.cit., m.s. 24.

<sup>113</sup> Sa'dī Yāsīn, op.cit., m.s. 29-30.

<sup>114</sup> Muhammad Abū Duriyyah, Adwā' ala al-Sunnah al-Muhammadiyyah aw Difa' 'ala al-Hadīth, Misr: Dar'al-Ma'arif, Cet. V, 1980, m.s. 238

<sup>115</sup> Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s. 75.

## 2.5 Zaman Pentashihhan Hadīth (Abad III)

Dalam abad ke III Hijrah, ulama hadīth mula mengasingkan kata-kata sahabat dan fatwa tābi'īn dari hadīth-hadīth Rasūlullāh melalui cara masānid (مسانيد) iaitu dengan mengumpulkan hadīth - hadīth yang diriwayatkan oleh seseorang sahabat dan diberi tajuk dengan nama sahabat berkenaan.<sup>116</sup>

Mereka juga mengasingkan atau mengkhususkan hadīth - hadīth hukum, hadīth tafsīr dan hadīth sirah atau maghāzi. Perintis pemisahan hadīth maghāzi Abān bin 'Uthmān manakala perintis pemisahan hadīth sirah ialah Muhammad bin Ishaq bin Yasār al-Mutalib (m 151H = 768M), koleksinya bernama Sirah Ibn Ishaq atau Sirah Ibn Hishām atau Sirah al-Nabawiyyah.<sup>117</sup> Di antara ulama hadīth yang menyusunnya ialah,

- a. Abū Dawūd al-Tayālisi (m 204H=819M)
- b. 'Abdullāh bin Zubair al-Humaidī (m 219H=868M)
- c. Yahyā bin Ma'in (m 233H=847M)
- d. Ahmad bin Hanbal (m 240H=859M)
- e. 'Abdullāh bin 'Abdul Rahmān al-Darimī (m 255H=868M)

Di abad ini juga bermula kegiatan mengkritik dan membezakan antara hadīth sahīh dan da'īf. Dengan ini lahirlah ilmu 'ulūm al-hadīth yang berpunca dari adanya kegiatan pemalsuan hadīth.<sup>118</sup> Ulama hadīth

<sup>116</sup> Muhammad Abū Duriyyah, op.cit., m.s. 239-240.

<sup>117</sup> Ahmad Amin, Duḥā al-Islām, Misr: al-Nahdah al-Misriyyah. 1979 m.s 116. Lihat Lampiran A dan B.

<sup>118</sup> Mustafā Sibā'i, op.cit., m.s. 90.

berpendapat pemalsuan hadīth ini bermula selepas lahirnya fitnah mengenai pembunuhan 'Uthmān bin 'Affān dan perbalahan antara Mu'āwiyah dan 'Ali<sup>120</sup> yang membawa perpecahan politik di kalangan umat Islam. Bertolak dari peristiwa-peristiwa ini, pemalsuan terhadap hadīth telah berlaku dan berkembang dengan pesatnya di abad ke II dan keIII Hijrah.

Faktor-faktor sampingan yang lain ialah perbezaan mazhab dalam ilmu kalām seperti Khawārij, Mu'tazilah, Shi'ah dan Murji'ah; khurāfat tukeng-tukang karut dan tindakan melulu dari mereka yang mengaku sebagai golongan zāhid dan beberapa perselisihan pendapat dalam sidang ilmu fiqh ketika sudah nyata dalil-dalilnya.<sup>121</sup>

Segala faktor-faktor ini menimbulkan rekaan dan pendustaan dalam meriwayatkan hadīth. Contohnya hadīth rekaan Shi'ah yang banyak menyentuh tentang kelebihan ahli bayt, mengeji sahabat dan menghina Mu'awiyah.<sup>122</sup> Hadīth-hadīth rekaan mereka ini pula telah menimbulkan reaksi dari golongan Umai yang juga mencipta hadīth bagi menolak ahlwah Shi'ah. Untuk menghalang dari berleluasanya pemalsuan hadīth akibat lahirnya ilmu 'ulūm al-hadīth.

<sup>119</sup> Shahrastāni, al-Milal wa al-Nihāl, Jil.I, 'Abdul 'Azīz Muhammad al-Wakil, Misr. 1968, m.s. 24-25.

<sup>120</sup> M.M.Azami, Pengkajian Hadith Kaedah dan Persuratan, Zainal Azam Abdul Rahman, Kuala Lumpur: Pustaka Salam. 1988, m.s. 87.

<sup>121</sup> Abu Lubabah Husayn, al-Jarah wa al-Ta'dīl, Ismail Muhammad Hassan, Terengganu: Yayasan Islam Terengganu. 1988, m.s. 18.

<sup>122</sup> Mustafā al-Sibā'i, op.cit., m.s. 95.

Ilmu 'Ulūm al-hadīth ini menyentuh berbagai aspek. Antara nya rijāl al-hadīth iaitu maklumat tentang periwayat hadīth yang ada pada sanadnya; al-jarah wa al-ta'dīl iaitu ilmu mengenai sifat kelemahan yang ada pada periwayat dan sifat-sifat utama periwayat yang menyebabkan mereka diterima; ilmu mukhtalif al-hadīth, ilmu 'ilāl al-hadīth, ilmu nāsikh al-hadīth wa mansūkhuhū dan lain-lain.<sup>123</sup>

Berpandukan ilmu-ilmu ini, ulama hadīth mula mentahqīq dan meneliti hadīth-hadīth sahīh sehingga lahirnya kitāb al-sittah. Sebagai contoh, al-Bukhārī hanya mengesahkan 7,396 hadīth sahaja dari sejumlah 600,000 yang dikumpulnya selama 16 tahun.<sup>124</sup> Antara kitab-kitab hadīth abad ke III ialah,

a. Menurut sejarah, kumpulan hadīth yang pertama dibuku kan pada abad ke III ialah kitab Muwattā' yang ditulis oleh Imam Mālik bin Anas (m 179H=795M). Ia mengandungi 1,720 hadīth.

b. Musnad Imam Ahmad bin Hanbal (m 241H=855M) mengandungi 30,000 hadīth yang didapati dari 700 orang sahabī.<sup>125</sup>

Hadīth di dalam musnad ini dikumpul menurut isnād atau nama nama pengarang tanpa pemisahan antara sahih dan tidak sahih.<sup>126</sup>

---

<sup>123</sup> Subhī al-Saīīh, op.cit., m.s. 107-114.

<sup>124</sup> Sa'dī Yāsīn, op.cit., m.s. 40.

<sup>125</sup> Ibid., m.s. 34-35.

<sup>126</sup> Muhammad Abū Duriyyah, op.cit., m.s. 241.

- c. Sahih Imam al-Bukhari (m 256H=869M), hadith yang paling muktabar yang menjadi rujukan pertama selepas al-Qur'an. Ia mengandungi 7,397 hadith tanpa perulangan.<sup>127</sup> Ia menggunakan kaedah penyusunan musannaf iaitu menurut tajuk-tajuk fiqh.<sup>128</sup>
- d. Selain daripada Sahih al-Bukhari ini, terdapat beberapa kitab hadith yang tergolong dalam enam yang muktabar iaitu Sahih Imam Muslim (Muslim bin Hajjaj al-Naisaburi: m 261H=874M), Sunan Abu Dawud (Abu Dawud Sulayman bin Ashat al-Sajastani: m 275H=888M) mengandungi 4,800 hadith, Sunan al-Tirmidhi (Abu 'Isa Muhammad 'Isa al-Silmī al-Tirmidhi: m 279H=889M), Sunan al-Nasa'i (Ahmad bin Shu'ayb bin 'Ali bin Sinan bin Bahr Abu 'Abdul Rahman: m 303H=915M) dan Sunan Ibn Majah (Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini: m 273H=883M).<sup>129</sup>

Karya Imam al-Bukhari dan Imam Muslim dinamakan sahih sementara empat yang lain dinamakan sunan. Terdapat beberapa perbezaan antara sahih dan sunan iaitu,

---

<sup>127</sup> Jumlah hadith ini adalah menurut kiraan Ibn Hajar. Lihat Sa'di Yasin, loc.cit., m.s. 40.

<sup>128</sup> Subhi al-Salih, op.cit., m.s. 48.

<sup>129</sup> Huda Muhsin, op.cit., m.s. 30-158.

- a. Sunan menyediakan hadīth-hadīth ahkām (fiqh) sahaja tidak termasuk hadīth-hadīth tentang sirah, akhlāq dan aqīdah.
- b. Syarat perawi di dalam sunan tidak seketat dalam sahīh. Ini bermakna kedudukan sahīh lebih tinggi dari sunan.<sup>130</sup>  
Sebagai contoh, syarat-syarat penerimaan hadīth menurut al-Bukhārī seperti berikut:
  - i Senad hendaklah persambung serta berhubung kait sehingga ke sahabat.
  - ii Tiap perawi disyaratkan muslim, jujur, adil, kuat ingatan dan bersih hati. (thiqah dan dābid)<sup>131</sup>

Koleksi hadīth-hadīth abad ke III ini memenuhi berbagai aspek kehidupan dan keilmuan dalam Islam. Kutub al-Sittah misalnya menjadi rujukan utama para ilmuwan. Kemuktabarannya adalah disebabkan,

- a. Hadīth-hadīth di dalamnya adalah hadīth yang telah diuji ke-sahīhannya.
- b. Pengarangnya telah menunjukkan beberapa prinsip penting mengenai pengumpulan hadīth.
- c. Panduan-panduan mengenai hadīth dari segala jenisnya dapat diketahui umum malah dapat membantu ahli-ahli hukum.<sup>132</sup>

Kesahīhan kitab-kitab ini pada umumnya diakui oleh ahli - ahli hadīth dan digunakan sebagai sandaran hukum Islam.

<sup>130</sup> H.Zainal Abidin Ahmad, Imam Bukhari Pemuncak Ilmu Hadith, Jakarta: Bulan Bintang. 1975, m.s. 128.

<sup>131</sup> Huda Muhsin, op.cit., m.s. 64.

<sup>132</sup> Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s. 80.

## 2.6 Zaman Penapisan Hadith

Ulama abad ke IV dan seterusnya dinamakan mutakhirūn. Abad ini merupakan pemisah di antara mutaqaddimīn yang berusaha sendiri untuk mendapatkan hadīth dengan membuat penelitian tentang matan hadīth dan perawi-perawinya dengan muta'akhirīn yang hanya memperbaiki hadīth dan menyusun semula apa yang dikarang oleh mutaqaddimīn.<sup>133</sup>

Mereka berusaha memperlengkapkan penyusunan kitab-kitab hadīth yang telah disusun sebelumnya dengan memberikan huraian dan ulasan. Ada di antara mereka yang menyatukan hadīth - hadīth sahīh dari kitab Bukhārī dan Muslim atau kutub al-sittah seperti Muhammad bin Nasīr al-Hamīdī (m 488H=1095M) dan Abū al-Sa'ād Mubārak bin Muhammad Ibn al-Athīr al-Jazā'ī (m 606H=1209M).<sup>134</sup>

Ada di antara mereka yang memetik hadīth-hadīth dan menjelaskan susur galur riwayatnya seperti Ibn Hajar al-'Asqalānī dalam kitabnya *Atrāf al-Mahārah bi Atrāf al-ashrāh*.<sup>135</sup> Ada yang menyusun hadīth-hadīth yang berkaitan dengan fiqh, tafsir dan huraianya seperti al-Hāfiẓ Jamāluddīn al-Zailā'ī (m 762H=1360M) dalam kitabnya *Nashb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*.<sup>136</sup>

---

<sup>133</sup> Drs. Fathur Rahman, Iktisar Muhtalahu'l Hadits, Bandung: PT Al-Ma'arif, 1974, m.s. 40.

<sup>134</sup> Subḥī al-Ṣāliḥ, op.cit., m.s. 38-39.

<sup>135</sup> \_\_\_\_\_, Kedudukan Sunnah dalam Islam, op.cit., m.s 52

<sup>136</sup> Ibid., m.s. 53.

Di antara kitab-kitab hadith dan ulum al-hadith yang lahir di zaman penapisan dan penyusunan semula ini ialah,

a. Al-Mustadrak 'alā al-Sahīhayn oleh al-Hākim al-Naysabūrī (m 405H=1014M). Kitab ini mengandungi hadīth-hadīth sahīh yang tidak terdapat dalam Sahīh Bukhārī dan Sahīh Muslim dengan mengikut kaedah dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Imām Bukhārī dan Imām Muslim.<sup>137</sup>

b. 'Umdah al-Ahkām oleh al-Hāfiẓ 'Abdul Ghāni al-Maqdisī (m 600H=1203M). Kitab ini mengandungi kumpulan hadīth-hadīth mengenai hukum sahaja.<sup>138</sup>

c. Usud al-Għabah fi asmā' al-Sahābah oleh 'Izzuddin ibn al-Athīr (m 630H=1232M). Kitab ini menerangkan tentang rijāl al-hadīth.<sup>139</sup>

d. Al-Fā'iq fi Gharīb al-Hadīth oleh al-Zamahsharī (m 538H=1143M). Kitab ini menerangkan tentang gharīb al-hadīth.<sup>140</sup>

---

<sup>137</sup> Subhi al-Salih, op.cit., m.s. 124.

<sup>138</sup> \_\_\_\_\_, loc.cit., Kedudukan Sunnah Dalam Islam, m.s. 52

<sup>139</sup> Rijāl al-hadīth ialah ilmu yang memperkenalkan periwayat hadīth dari segi mereka meriwayatkan hadīth. Lihat Subhi al-Salih, op.cit., m.s. 110-111.

<sup>140</sup> Gharīb al-hadīth ialah ilmu yang menjelaskan tentang pengertian perkataan yang jauh dari pengertian biasa dan sukar difahami. Lihat ibid., m.s. 112-123.

52

Demikianlah kesungguhan ulama hadīth z a m a n tersebut memperlengkapan penyusunan hadīth untuk kemudahan rujukan dan untuk menelihara sumber perundangan Islam yang kedua ini sehingga datangnya serangan bangsa Monggol di bawah pimpinan H u l a g u yang berjaya menguasai kota Baghdađ, pusat ilmu pengetahuan dan peradaban Islam pada tahun 656H bersamaan 1258M. Kehancuran Baghdađ ini menandakan pupusnya kitab-kitab ilmu Islam.

## 2.7 Zaman Selepasnya: Peranan Beberapa Negara Terhadap Hadīth

Ketika kerajaan 'Abbāsiyyah jatuh ke tangan Monggol, kerajaan Andalusia juga menemui kehancuran. Barat mula menjajah negara-negara Islam dan meneruskan dasar 'devide et empera' ( pecah dan perintah ). Dengan ini ulama hadīth sukar untuk menjalankan aktivitinya kerana dihalang oleh penjajah. Mereka hanya menyampaikan hadīth melalui surat menyurat dan ijazah.<sup>141</sup>

Ulama hadīth pada ketika itu tidak lagi mengambil berat tentang peribadi periyawat hadīth ( sanad ). Namun begitu ada di antara mereka yang berani dan sanggup m e l a w a t i ke daerah-daerah Islam untuk merangkap ilmu hadīth dari segi nilainya, kandungan, sanad dan lain-lain. Antara yang terlibat ialah Zainuddin al-'Irāqī (m 806H=1403M) dan Ibnu Hajar (m 852H=1448M).<sup>142</sup>

---

<sup>141</sup> Dengan cara memberi ijazah kepada murid untuk meriwayatkan hadīth-hadīth yang ditulis oleh seorang guru dalam kitabnya. Lihat Drs. Masjufuk Zuhdi, Pengantar Ilmu Hadits, Surabaya: Pustaka Progressif. 1976, m.s. 94-95.

<sup>142</sup> Thid., m.s. 95.

Demikianlah kesungguhan ulama hadīth z a m a n tersebut memperlengkapan penyusunan hadīth untuk kemudahan rujukan dan untuk menelihara sumber perundangan Islam yang kedua ini sehingga datangnya serangan bangsa Monggol di bawah pimpinan H u l a g u yang berjaya menguasai kota Baghdād, pusat ilmu pengetahuan dan peradaban Islam pada tahun 656H bersamaan 1258M. Kehancuran Baghdād ini menandakan pupusnya kitab-kitab ilmu Islam.

## 2.7 Zaman Selepasnya: Peranan Beberapa Negara Terhadap Hadīth

Ketika kerajaan 'Abbāsiyyah jatuh ke tangan Monggol, kerajaan Andalusia juga menemui kehancuran. Barat mula menjajah negara-negara Islam dan meneruskan dasar 'devide et empera' ( pecah dan perintah ). Dengan ini ulama hadīth sukar untuk menjalankan aktivitinya kerana dihalang oleh penjajah. Mereka hanya menyampaikan hadīth melalui surat menyurat dan ijazah.<sup>141</sup>

Ulama hadīth pada ketika itu tidak lagi mengambil berat tentang peribadi periyawat hadīth ( sanad ). Namun begitu ada di antara mereka yang berani dan sanggup m e l a w a t i ke daerah-daerah Islam untuk menerangkan ilmu hadīth dari segi nilainya, kandungan, sanad dan lain-lain. Antara yang terlibat ialah Zainuddīn al-'Irāqī ( m 806H=1403M ) dan Ibn Hajar ( m 852H=1448M ).<sup>142</sup>

<sup>141</sup> Dengan cara memberi ijazah kepada murid untuk meriwayatkan hadīth-hadīth yang ditulis oleh seorang guru dalam kitabnya. Lihat Drs. Masjufuk Zuhdi, Pengantar Ilmu Hadits, Surabaya: Pustaka Progressif. 1976, m.s. 94-95.

<sup>142</sup> Ibid., m.s. 95.

Pada zaman ini hanya tiga negara sahaja yang memberi tumpuan utama terhadap hadīth iaitu Mesir, India dan Saudi Arabia.<sup>143</sup> Dari sinilah lahirnya tokoh-tokoh hadīth yang berusaha menyelamatkan karya karya tokoh-tokoh silam seterusnya melahirkan karya-karya ilmiah yang bermutu dan bersistematis.

#### 2.7.1 Mesir

Al-Azhar ialah pusat pengajian terkemuka di Mesir telah diliyrik oleh kerajaan Fātimiyah pada tahun 361H bersamaan 972M.<sup>144</sup> Penubuhan al-Azhar pada awalnya adalah untuk mengembangkan mazhab shī'ah serta menyekat perkembangan mazhab sunni. Ini dibuktikan dengan penggunaan metodologi shī'ah dalam semua pengajian samada hadīth, fiqh atau aqīdah.

Semasa kejatuhan kerajaan Fātimiyah ke tangan Sālihuddīn al-Ayyūbī, beliau telah bertindak mengubah al-Azhar dari mazhab shī'ah ke mazhab sunni.<sup>145</sup> seterusnya mendirikan kerajaan al-Ayyūbiyyah. Kerajaan ini tidak kekal lama dan ia digantikan dengan kerajaan Mamālik (684-792H = 1285-1389M). Semasa kerajaan Mamālik memerintah

<sup>143</sup> Hashim Yahya, op.cit., m.s. 60-64.

<sup>144</sup> Jarhī Zaidān, Tārīkh al-Tamaddun al-Islāmī, Jil. III, Bayrut. 1967, m.s. 498.

<sup>145</sup> Ibid., m.s. 504.

ia telah mendirikan beberapa sekolah pengajian baru di sekitar al-Azhar seperti Madrasah al-Tibrasiyyah, Madrasah al-Iqbāghawiyah dan Madrasah Jawhariyyah.<sup>146</sup> Tenaga-tentara pengajarnya terdiri daripada ulama dari seluruh negara Islam. Ini membawa kepada perkembangan yang pesat dalam segala bidang ilmu khususnya hadīth. Kitab-kitab hadīth yang digunakan adalah seperti *Sahīh Bukhārī*, *Jāmi' Saghīr* karangan al-Suyūtī, *al-Shamā'il* karangan Tirmidhī, *al-Baiqūniyyah* dan *al-Mukhtasar*, kedua-duanya kitab mustalāh al-hadīth.<sup>147</sup>

Di antara tokoh-tokoh hadīth yang terkemuka di zaman ini ialah Zāhir Barqūq dan Mu'ayyid (guru al-Hāfiẓ Ibn Hajar). Mu'ayyid banyak meriwayatkan hadīth daripada al-Sirāj al-Balqīnī dan Shamsuddīn al-Dīrī. Perkembangan ilmu hadīth ini menjadikan Mesir sebagai tempat tumpuan pencinta hadīth. Keadaan ini berterusan sehingga kejatuhan kerajaan Mamālik pada abad ke X.<sup>148</sup>

## 2.7.2 India

India mula menjadi tempat tumpuan hadīth setelah kejatuhan kerajaan Mamālik di Mesir. Ulama India mula menggiatkan usaha dalam

<sup>146</sup> \_\_\_\_\_, Da'irah al-Ma'rif, Jil.II, Tamran 3018H, m.s. 52-53.

<sup>147</sup> Ibid., m.s. 67.

<sup>148</sup> Hashim Yahya, loc.cit.

pengkajian ilmu hadīth dan berjaya menghasilkan tulisan-tulisan yang mengecam tuduhan dan serangan dari pihak orientalis dan kristian demi membela kesucian ajaran Islam. Di antara ulama-ulama hadīth India ia-  
lah Shīkh 'Abdul Ḥaq bin Saifuddīn (m 1052H=1642M), Shīkh Nūr al-Ḥaq  
(m 1073H=1662M), Shīkh Waliyullāh bin 'Abdul Rahīm al-Dahlāwī(m 1176H  
=1762M) dan lain-lain.<sup>149</sup>

Mereka menggiatkan usaha menyebarkan ilmu hadīth ke negara Eropah dengan menghantar ulama-ulama hadīth contohnya Dr. Sayyīd Muḍām Husayn yang berjaya menerbitkan kitab Ma'rifah'Ulūm al-Hadīth karya al-Hākim di Barat. Sebahagian dari naskhak al-Hākim masih ada tersimpan di perpustakaan London hingga ke hari ini.<sup>150</sup>

### 2.7.3 Saudi Arabia

Di Arab Saudi pula, salah seorang rajanya iaitu 'Abdul 'Azīz al-Sa'ūd banyak memberikan sumbangan dalam usaha memelihara dan menyebarkan hadīth. Banyak kitab telah dicetak semula dan disebarluaskan ke seluruh negara Islam. Antaranya:

- a. Jāmi' al-'Uṣūl min Ahādīth al-Rāsul.
- b. Zād al-Ma'ad fi Hādī al-Khayr al- 'Ibād.
- c. Al-Mughnī li Ibn Qudāmah dan lain-lain lagi.<sup>151</sup>

Di samping itu, baginda telah mendirikan pusat-pusat pengajian

<sup>149</sup> Abu Tayyib al-Sayyid Sadiq al-Futuhā, al-Hittah fi Zikr al-Sihhah al-Sittah, Bayrut 1985, m.s. 146-147.

<sup>150</sup> Masjufuk Zuhdi, op.cit., m.s. 96.

<sup>151</sup> Hashim Yahya, op.cit., m.s. 64-65.

tinggi di Mekah, Madinah, Riyad dan Jeddah. Usaha yang gigih ini melahirkan ramai cendekiawan Islam.<sup>152</sup>

Demikianlah kesungguhan ulama hadīth dalam usaha memperlengkapan pembukuan dan penyusunan hadīth peringkat demi peringkat. Dapatlah disimpulkan bahawa usaha penulisan hadīth telah wujud pada zaman Rasūlullāh s.a.w walaupun tidak secara rasmi. Pada zaman sahabat dan tabi'in pula, usaha mentahqiq hadīth dilakukan sama ada secara bertemu dengan para penghafaz hadīth atau merujuk kepada hasil-hasil penulisan yang telah dibuat sebelumnya. Dengan ini lahirlah musannaf atau jāmi' seterusnya musanid dan kitab-kitab sihhah yang mengandungi hadīth sahih sahaja. Sesudah itu pada zaman tabi'al-tabi'in usaha memelihara diteruskan, hadīth dikumpul dan hadīth disusun menurut kaedah yang lebih bersistematik yang disusuli dengan huraian dan tafsirannya. Akhirnya hadīth dapat dibukukan dengan sempurna.